

# **SKIM PERKHIDMATAN BAGI JAWATAN INSPEKTOR**

## **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON**

### **INSPEKTOR (LELAKI/WANITA)**

1. Skim Perkhidmatan bagi jawatan Inspektor yang dikeluarkan melalui:
  - i) Surat Pelaksanaan Pindaan Skim Perkhidmatan Dalam Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia rujukan JPA(S)(BPO) 324/14/6-1 Jld.25(51) bertarikh 29 Oktober 2013; dan
  - ii) Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum Bagi Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Di Bawah Sistem Saraan Malaysia rujukan JPA.SARAAN(S)256/21/17-6 Jld.4 bertarikh 29 Oktober 2013.
2. Kelonggaran syarat tambahan yang diperolehi daripada JPA bagi urusan pengambilan dalam PDRM sepertimana surat JPA rujukan: JPA.BPO(S)234/14/6-1 Jld.26 (6) s.k (6) bertarikh 30 April 2014.
  - a). Terdiri dari Warganegara Malaysia;
  - b). **Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun (Kelulusan Sarjana Muda), tidak melebihi daripada 30 tahun (Kelulusan Sarjana) dan tidak lebih daripada 35 tahun (Kelulusan PHD) pada tarikh pendaftaran permohonan secara online dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);**
  - c). Kelayakan Akademik:
    - i). Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
    - ii). Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
    - iii). Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau

- iv). Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
  - v). Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
  - vi). Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
  - vii). Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
  - viii). Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13]; atau
  - ix). Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang forensik, matematik atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13];
  - xii). **Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.**
- d). Kelayakan Fizikal:
- Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-
- i). Tinggi sekurang-kurangnya **163 sm** (lelaki) dan **157 sm** (wanita) tanpa bersepatu;

- ii). Berat badan sekurang-kurang **50 kg** (lelaki) dan wanita sekurang-kurangnya **48 kg**;
- iii). Mempunyai ukuran **Indeks Jisim Badan (BMI)** di antara julat **19 hingga 26**;
- iv). Ukuran lilitan dada biasa **81 sm** (normal) dan semasa menarik nafas **86 sm (lelaki sahaja)**;
- v). Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan **V/6/9** tanpa atau dengan menggunakan alat bantuan (menggunakan cermin mata atau kanta lekap);
- vi). Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar (kerajaan).

<b><u>Jadual Gaji</u></b>		<b><u>Gaji Minimum</u></b>		<b><u>Gaji Maksimum</u></b>
<b>Gred YA13</b>	<b>:</b>	<b>RM 2,329.00</b>	<b>-</b>	<b>RM 8,883.00</b>
		<b>Kadar Gaji Tahunan : RM 230.00</b>		